

NO. SOALAN: 45

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' WIRA MOHD JOHARI
BIN BAHAROM [KUBANG PASU]**

TARIKH : 10 JUN 2015

RUJUKAN : 7939

SOALAN:

Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [Kubang Pasu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tentang perlu atau tidak untuk dibuat bincian semula kedudukan negeri Sabah. Perkara ini perlu dibuat untuk menentukan jumlah sebenar penduduk negeri itu yang telah diputihkan statusnya daripada PATI.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sepetimana yang dimaklumi, Jabatan Perangkaan Malaysia menjalankan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia sepuluh (10) tahun sekali dan yang terkini adalah pada tahun 2010. Banci tersebut juga telah meliputi semua penduduk sama ada warganegara atau bukan warganegara yang telah atau akan tinggal di Malaysia selama enam bulan atau lebih pada tahun banci. Dalam hal ini, Banci Penduduk dan Perumahan tidak dilaksanakan setiap tahun kerana ia melibatkan peruntukan kewangan yang tinggi, proses kerja yang sangat kompleks dan berskala besar kerana ia melibatkan bincian ke atas seluruh penduduk di Malaysia.

Walau bagaimanapun, bagi mendapatkan jumlah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Sabah, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia telah melaksanakan Program 5P yang bermula pada 18 Julai 2011 sehingga 10 Ogos 2011. Walau bagaimanapun, Program 5P tersebut yang merangkumi Pendaftaran, Pengampunan, Pemantauan, Penguatkuasaan dan Pengusiran tidak melibatkan program Pemutihan. Program Pemutihan tidak dilaksanakan seperti mana di Semenanjung Malaysia kerana dikhuatiri akan mengundang lebih banyak kemasukan PATI ke negeri Sabah. Berdasarkan

Program 5P tersebut, Kerajaan telah mendaftarkan sebanyak 161,370 orang PATI di Sabah dan daripada jumlah tersebut PATI dari Indonesia mencatatkan jumlah tertinggi seramai 115,046 orang dan diikuti oleh PATI dari Filipina seramai 45,894 orang dan bakinya adalah dari negara Pakistan (296 orang), India (113 orang), China (6 orang) dan lain-lain (15 orang).